

**Pemuda PAS Sarawak desak kemuka hasil siasatan video Global Witness
Malaysian Insider
Feb 10, 2014**

Sebelum Tan Sri Abdul Taib Mahmud (gambar) dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sarawak, Pemuda PAS negeri mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan hasil siasatan mereka mengenai rakaman video Global Witness.

Ketua Pemuda PAS Sarawak, Mohammad Arifiriazul Paijo, berkata mereka ingin tahu perkembangan siasatan oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh SPRM pada pertengahan 2013 lalu.

"Sekiranya hasil siasatan tersebut boleh membuktikan Taib tidak terlibat maka ini akan membuktikan beliau "bersih" daripada pelbagai tuduhan pecah amanah dan menyakinkan semua pihak," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Global Witness dalam videonya menggemparkan negara apabila membuat pendedahan bagaimana Taib dan keluarganya menjadi kaya raya di atas kesusahan yang ditanggung rakyat Sarawak.

Pelbagai pihak mengesanya berhubung video itu dan SPRM menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyiasat segala pendedahan itu.

Namun sehingga kini, tidak ada sebarang kenyataan dibuat berhubung hasil siasatan itu.

Arifiriazul berkata, prinsip demokrasi perlu dilaksanakan di Sarawak iaitu tidak mengenyakan suara rakyat yang inginkan keadilan dan bukan hanya bersetuju untuk melantik beliau sebagai Yang Dipertua Negeri seperti mana dicadangkan oleh partinya.

Taib bakal mengumumkan peletakan jawatannya sebagai ketua menteri Sarawak tidak lama lagi.

Berikutan itu, Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (PBB) yang dipimpinnya mencadangkan

beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sarawak yang baru selepas melepaskan jawatan sebagai ketua menteri.

Bagi Pemuda PAS Sarawak, jika nama Taib tidak dibersihkan terlebih dahulu, ia hanya akan memberikan imej buruk terhadap integriti kepimpinan negeri Sarawak.

"Saya sebagai anak jati Sarawak yang dilahirkan di Limbang pada era pemerintahan Taib sebagai ketua menteri Sarawak ingin melihat negeri Sarawak yang saya cintai ini dipelihara dan dibebaskan daripada pemerintahan yang dipenuhi dengan pelbagai skandal rasuah serta salah guna kuasa.

"Saya dan seluruh rakyat Sarawak sayang negeri ini," katanya.

Bagaimanapun, Pemuda PAS Sarawak menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh pengerusi tetap PBB berkenaan pengunduran Taib sebagai ketua menteri. - 10 Febuari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-sarawak-desak-kemuka-hasil-siasatan-video-global-witness>